


Merdeka Bangsa Merdeka Bahasa



Pada 31 Ogos 2016, genap 59 tahun Malaysia terlepas daripada belunggu penjajahan British. Sepanjang tempoh tersebut, bahasa Melayu telah menjadi wadah terpenting untuk menyemarakkan semangat patriotisme orang Melayu, iaitu menuntut, memperoleh, dan mengisi kemerdekaan itu sendiri. Perjalanan panjang bahasa Melayu, bukan hanya bermula pada tahun 1957, tetapi telah diwarisi daripada peradaban Melayu yang unggul, sejak abad ketujuh Masihi. Selepas kemerdekaan Malaysia, bahasa Melayu telah diberikan fungsi yang cukup istimewa, iaitu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara. Di samping itu, bahasa Melayu turut berperanan sebagai alat perpaduan dalam pembentukan negara bangsa Malaysia yang diwarnai oleh kepelbagaian kaum dan budaya. Penerimaan kaum lain terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia merupakan salah satu kontrak sosial yang telah dipersetujui bersama sejak enam dekad yang lalu.

Namun begitu, sejak kebelakangan ini, kedudukan bahasa Melayu di Malaysia dilihat mengalami perubahan status yang cukup ketara. Perannya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa pengantar dan bahasa ilmu mula dipersoalkan oleh generasi muda yang tidak pernah kenal erti kemerdekaan yang sebenar. Fungsi bahasa Melayu sedikit demi sedikit telah diambil oleh bahasa Inggeris atas tiket pembangunan dan kemajuan bangsa. Malah, beberapa dasar baharu kerajaan yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan turut tidak memberikan kelebihan kepada bahasa Melayu, sebagai

bahasa yang mendapat pengiktirafan dalam Perkaras 152, Perlembagaan Persekutuan. Hal ini bukanlah sesuatu perkara yang baharu kerana dari dahulu lagi, suara-suara antagonis bahasa Melayu telah mula mencari ruang dan peluang untuk melemahkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Di Sarawak misalnya, bahasa Melayu sehingga kini tidak menjalankan fungsinya seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Walaupun telah 53 tahun bersama-sama Malaya dan Sabah membentuk sebuah negara baharu bernama Malaysia, bahasa Melayu masih jauh ketinggalan. Sarawak seolah-olah membawa identiti negara bangsanya tersendiri sehingga mengetepikan agenda nasional yang sepatutnya dijunjung dan ditonjolkan, iaitu bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kepentingan bahasa dalam pembentukan negara bangsa tidak dapat dipandang remeh disebabkan bahasa ialah jiwa untuk membina negara bangsa. Tanpa bahasa, tidak mungkin akan lahirnya perasaan cinta kepada negara yang akhirnya akan diterimah dalam bentuk perpaduan dan keharmonian kaum.

Peranan penting bahasa Melayu untuk membina negara bangsa Malaysia sama sekali tidak dapat dinafikan hak dan fungsinya. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa Melayu telah menjadi asas pembentukan bangsa Malaysia itu sendiri. Perkara ini turut ditegaskan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamed, mantan Perdana Menteri keempat, dalam "Dialog

Keperluan bahasa sebagai jati diri bangsa turut dipersetujui oleh Abdullah Hassan (2009), dalam makalahnya yang bertajuk "Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuhan Globalisasi".

Majlis
Kerja

Pelajar-pelajar Malaysia United Kingdom" di Kuala Lumpur pada 10 September 1995. Dalam ucapannya beliau berkata "Bangsa Malaysia means people, who are able to identify themselves with the country, speak bahasa Malaysia (bahasa Melayu) and accept the constitution". Penyataan Tun Dr. Mahathir ini, sememangnya tetap dan jelas, kerana kita sedia maklum bahawa bahasa menunjukkan bangsa. Justeru, bahasa Melayu yang menjadi simbol identiti bangsa Malaysia, harus dikuasai dengan baik dan bukan sekadar dipelajari.

Keperluan bahasa sebagai jati diri bangsa turut dipersetujui oleh Abdullah Hassan (2009), dalam makalahnya yang bertajuk "Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuhan Globalisasi". Menurut Abdullah Hassan, menuturkan sesebuah bahasa yang sama ialah ciri yang menentukan jati diri sesebuah bangsa. Pandangan yang serupa turut dilontarkan oleh Hassan Ahmad (2007) dalam makalah yang bertajuk "Bahasa Menunjukkan Bangsa". Bagi Hassan Ahmad yang juga mantan

.....
Pada hari ini, kepentingan bahasa untuk membina jati diri bangsa, telah menjadi asas pembentukan negara bangsa di seluruh dunia. Indonesia misalnya, telah meletakkan bahasa Indonesia (bahasa Melayu) sebagai asas pembentukan negara bangsa seperti yang dilafazkan dalam Sumpah Pemuda pada tahun 1928. Manakala, kesungguhan Thailand dalam menjaga bahasa Thai, telah menyebabkan berlakunya asimilasi bahasa dan budaya dalam kalangan warganya.

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia, bahasa merupakan identiti atau jati diri sesuatu bangsa. "Bangsa" tidak lagi bererti "kelas sosial" atau "adat", tetapi wujud sebagai entiti atau kesatuan sosiopolitik atau tamadun supraetnik yang dalam bahasa Inggerisnya disebut sebagai nation. Sehubungan dengan itu, dalam konteks di Malaysia, bahasa Melayu secara automatik menjadi sebahagian daripada syarat kewarganegaraan.

Di Malaysia, kelemahan dalam penguasaan bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh faktor kurangnya pembudayaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat kita sendiri. Walaupun bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah, namun bahasa tersebut tidak dibudayakan dalam konteks penggunaannya sehari-hari. Hal ini dapat dilihat apabila bahasa Melayu semakin kurang digunakan, sama ada dalam majlis rasmi, mahupun di dalam bilik darjah. Di sekolah, bahasa Melayu hanya dipelajari sebagai syarat lulus ujian dan bukannya sebagai satu keperluan bernegara. Hal ini telah dibuktikan sendiri oleh Profesor Dr. Teo Kok Seong, melalui hasil kajian yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia ke atas 14 000 orang pelatih Program

Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada tahun 2010. Hasil kajian beliau mendapati, seramai 604 orang pelatih tidak boleh bercakap dalam bahasa Melayu, tetapi lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Perkara ini bukan sahaja pelik, tetapi turut mengundang pelbagai persoalan dan persepsi, tentang jati diri mereka terhadap negara ini.

Selain itu, sehingga kini, bahasa Melayu belum dapat diterima sepenuhnya oleh rakyat Malaysia, khususnya dalam kalangan orang bukan Melayu. Hal ini dikatakan, demikian kerana menurut Profesor Dr. Teo Kok Seong dalam *Berita Harian* bertarikh 2 Ogos 2010, beliau dan remaja Cina rata-rata tidak boleh berbahasa Melayu dengan baik, sedangkan bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan negara. Hal yang sama turut berlaku dalam kalangan pemimpin politik bukan Melayu, sehingga ada yang menuntun untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam perbahasan di Parlimen, seperti yang dilaporkan dalam *Berita Harian*, 24 November 2015. Tindakan tersebut bukanlah suatu perkara yang bijak, tetapi amat memalukan kerana menolak bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi samalah seperti menolak status kewarganegaraan sebagai rakyat Malaysia. Desakan-desakan sebegini harus diatasi segera, supaya matlamat untuk

membina negara bangsa Malaysia yang beracuanan sendiri tidak dirosakkan oleh pemikiran cauvanis semata-mata.

Pada hari ini, kepentingan bahasa untuk membina jati diri bangsa, telah menjadi asas pembentukan negara bangsa di seluruh dunia. Indonesia misalnya, telah meletakkan bahasa Indonesia (bahasa Melayu) sebagai asas pembentukan negara bangsa seperti yang dilafazkan dalam Sumpah Pemuda pada tahun 1928. Manakala, kesungguhan Thailand dalam menjaga bahasa Thai, telah menyebabkan berlakunya asimilasi bahasa dan budaya dalam kalangan warganya. Begitu juga di Britian, Perdana Menteri David Cameron, pada Januari 2016, telah mengingatkan komuniti Islam yang menetap di Britian supaya mempelajari bahasa Inggeris atau bersedia untuk meninggalkan negara tersebut. Amanar keras negara yang lantang memperjuangkan hak asasi manusia ini secara jelas membuktikan bahawa bahasa sememangnya berperanan penting untuk membina negara bangsa.

Sehubungan dengan itu, bersempena dengan sambutan bulan kemerdekaan yang ke-59, wajar kita menilai semua usaha yang telah kita lakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana

enam dekad yang lalu telah banyak mengajar kita tentang kerancuan dasar bahasa sehingga bahasa Melayu kini diremeh dan diperlekeh oleh bangsanya sendiri. Kita juga seharusnya peka, terhadap senario yang berlaku pada hari ini bukanlah disebabkan oleh kelemahan bahasa Melayu itu sendiri, tetapi banyak dipengaruhi oleh sikap masyarakat kita yang gagal memahami keperluan bangsa dan bernegara. Kegagalan ini telah menyebabkan berlakunya pertembungan antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Dalam beberapa peristiwa, bahasa Melayu sering kali dijadikan kambing hitam yang menyebabkan kegagalan dasar pendidikan kita, khususnya untuk memandaikan rakyatnya dalam berbahasa Inggeris. Walhal, kaedah pengajaran bahasa Inggeris itu sendiri, yang wajar dikaji semula agar dapat memenuhi keperluan bangsa Malaysia tanpa menjejaskan keperluan bahasa Melayu sebagai asas bernegara.

Menurut Awang Sariyan (2010) dalam "Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam Membina Negara Bangsa", ibu segala masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan dasar bahasa yang berkaitan erat dengan proses pembinaan negara itu ialah ketidaktekalan sikap, pendirian, dan pelaksanaan, yang sebahagiannya disebabkan oleh faktor tidak atau kurang memahami peranan bahasa sebagai salah satu asas pembangunan. Hal ini dikatakan demikian kerana umumnya, pembangunan itu lebih dipertalikan kebanyakan orang dengan pembangunan fizikal, sehingga faktor bahasa dan budaya, dianggap tidak penting untuk membina sesebuah negara. Kemalasan masyarakat kita untuk menelusuri sejarah bangsa telah menyebabkan bangsa kita lupa

bahawa Malaysia pernah suatu ketika dahulu dibangunkan oleh Baba Pembangunan Malaysia, itu Tun Abdul Razak, melalui gabungan aspek fizikal, bahasa, dan budaya. Bertitik tolak daripada dasar-dasar Tun Abdul Razak, maka lahirnya Dasar Bahasa Kebangsaan, Rukun Negara, dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang pada hari ini masih wujud, tetapi gagal dihayati dan diperkuatkan pelaksanaannya.

Usaha pemeraksanaan bahasa Melayu kini perlu dilaksanakan bersungguh-sungguh, serta menuntun kezaman politik untuk mengembalikan roh kemerdekaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Menurut Profesor Dato' Seri Md. Salleh Yaapar, dalam "Persidangan Kebangsaan Bahasa Melayu Setelah 55 Tahun Merdeka", pada 27 dan 28 November 2012, di Universiti Sains Malaysia, hanya dengan tindakan, kuasa, dan azam politik, baharulah segala halangan dapat dibuang dan bahasa Melayu boleh dikembalikan semula sebagai bahasa ilmu, bahasa pentadbiran serta bahasa kesatuan. Hal ini dikatakan demikian kerana tanpa kezaman politik, dasar-dasar yang berkaitan dengan bahasa Melayu tidak mungkin dapat dilaksanakan. Justeru, menjadi tanggungjawab dan amanah kepada pemimpin-pemimpin Melayu yang berada di Dewan Rakyat dan Parlimen Malaysia bersatu hati dan jiwa untuk mendaulatkan bahasa Melayu, sesuai dengan tugas dan perannya.

Selain itu, pimpinan politik di negara ini juga harus sedar bahawa suatu masa dahulu bahasa Melayu pernah menjadi alat yang ampuh untuk memperjuangkan kemerdekaan tanah air. Tanpa bahasa Melayu, semangat patriotism dan nasionalisme yang dititip melalui akhbar dan

karya kreatif pada tahun 1930-an, sudah pasti tidak akan dapat menyedarkan dan memajukan bangsa Melayu yang mundur ketika itu. Justeru, sebagai warga merdeka, tidak kira pemimpin atau rakyat biasa, kita seharusnya bijak mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa jiwa bangsa di samping mempelajari bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain sebagai satu keperluan untuk kita berinteraksi dengan dunia luar.

Dalam tempoh setengah abad ini, bahasa Melayu tidak seharusnya berjuang bermati-matian untuk menjadi bahasa yang dominan di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana perjuangan tersebut telah kita peroleh sejak tahun 1957. Malah, melalui kuasa perlembagaan yang sedia ada, bahasa Melayu telah diperakui dan diiktiraf sebagai bahasa rasmi tunggal negara. Selain itu, tugas perancangan dan pengembangan bahasa Melayu yang diamanahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, telah terlaksana dengan jayanya. Oleh itu, secara dasar dan perancangannya, bahasa Melayu boleh berkembang maju di Malaysia, seiring dengan kemajuan bahasa Indonesia dan bahasa Thai. Namun demikian, semua usaha ini tidak akan berhasil, sekiranya minda dan jiwa bangsa yang memiliki bahasa ini masih terjajah dan terbelenggu. Benarlah kata bijak pandai, kemerdekaan itu bukan sekadar slogan dan laungan, tetapi harus disertai komitmen, khususnya untuk menjunjung asas bernegara, iaitu bahasa kebangsaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, bangsa yang merdeka itu ialah bangsa yang dapat memerdekakan bahasanya. Merdeka! Merdeka! Merdeka!. DB